



## NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA 2/2020

### PENGUKUHAN PROSEDUR PEMROSESAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (*ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT, EIA*) DI BAWAH SEKSYEN 34A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

---

Tuan/Puan,

1. Penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment, EIA*) di Malaysia merupakan keperluan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar, (JAS).
2. Laporan EIA hendaklah disediakan oleh orang yang layak dan perlu menepati garis panduan yang diterbitkan oleh JAS dan mengandungi penilaian terhadap impak ke atas kesan alam sekitar serta mencadangkan langkah yang perlu diambil untuk mencegah, mengurang atau mengawal kesan negatif terhadap alam sekitar.
3. Bagi menambahbaik dan memudahcara perkhidmatan yang disediakan oleh JAS, prosedur dan pemrosesan Laporan EIA ditambahbaik dalam membantu memacu pembangunan bagi projek-projek yang tertakluk EIA dan memastikan kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan rakyat.
4. Sehubungan dengan itu, bagi pengemukaan Laporan EIA kepada JAS sebagaimana kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Aktiviti Yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, **tiga (3) elemen** baru penambahbaikan yang mudah dan cepat dicapai (*quick wins*) diperkenalkan seperti berikut:
  - (i) Pengemukaan dan Edaran Bidang Rujukan / Laporan EIA;
  - (ii) Pengukuhan Seranta Awam; dan
  - (iii) Penstrukturan Ringkasan EksekutifButiran perincian pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. Penyediaan Bidang Rujukan dan Laporan EIA, masih lagi perlu merujuk kepada *Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia, EGIM, 2016*. Elemen penambahbaikan yang digariskan ini lebih menjurus kepada usaha meningkatkan kebolehcapaian dan menyebarkan maklumat secara digital yang mudah difahami, interaktif dan memberi impak yang tinggi kepada pemegang taruh serta pemahaman orang awam.
6. Pelaksanaan penambahbaikan ini akan mula berkuatkuasa pada **1 September 2020**. Sebarang pengemukaan Bidang Rujukan atau Laporan EIA pada 1 September 2020 dan seterusnya perlu menepati kaedah yang telah digariskan sebagaimana di dalam pemakluman ini.
7. Untuk pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat atau JAS Negeri seperti di **Lampiran 2**.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**  
25 Ogos 2020

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia  
Skim Pendaftaran Jururunding EIA  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)  
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli  
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
**62574 W.P. PUTRAJAYA**

Emel: [skeia@doe.gov.my](mailto:skeia@doe.gov.my)

## LAMPIRAN 1

### PERINCIAN PENCAPAIAN YANG MUDAH DAN TEPAT (QUICK WINS) DALAM PENAMBAHBAIKAN EIA

BIL		PENCAPAIAN YANG MUDAH DAN TEPAT (QUICK WINS)
1.	Pengemukaan dan Edaran TOR/ Laporan EIA	<p><b><u>Kaedah pengemukaan dan edaran Bidang Rujukan serta Laporan EIA</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengemukaan Bidang Rujukan dan Laporan EIA boleh secara <i>softcopy</i> kepada Jabatan melalui <b>capaian emel</b> kepada JAS Negeri dan JAS Ibu Pejabat seperti di <b>Lampiran A</b>.</li> <li>• Pengemukaan secara <i>hardcopy</i> masih diperlukan bagi memenuhi keperluan peruntukan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</li> </ul> <p><b><u>Pengemukaan Bidang Rujukan Jadual Pertama dan Jadual Kedua</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiga (3) salinan <i>hardcopy</i> dan satu (1) <i>softcopy</i> in PDF format kepada JAS Negeri (Jadual Pertama)</li> <li>• Tiga (3) salinan <i>hardcopy</i> dan satu (1) <i>softcopy</i> in PDF format kepada JAS Ibu Pejabat (Jadual Kedua)</li> <li>• Edaran secara <i>softcopy</i> (CD) kepada agensi/AI/NGO's untuk mendapatkan ulasan.</li> </ul> <p><b><u>Pengemukaan Laporan EIA Jadual Pertama</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiga (3) salinan <i>hardcopy</i>, satu (1) <i>softcopy</i> (CD) dikemukakan kepada JAS Negeri</li> <li>• Satu (1) <i>softcopy</i> (CD) kepada JAS Ibu Pejabat.</li> <li>• Edaran secara <i>softcopy</i> (CD) kepada agensi/ AI/ NGO's untuk mendapatkan ulasan.</li> </ul> <p><b><u>Pengemukaan Laporan EIA Jadual Kedua</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiga (3) salinan <i>hardcopy</i>, satu (1) <i>softcopy</i> (CD) dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat.</li> <li>• Satu (1) <i>hardcopy</i> kepada JAS Negeri berkaitan.</li> <li>• Edaran secara <i>softcopy</i> (CD) kepada agensi/AI/NGO's untuk mendapatkan</li> </ul>

BIL	PENCAPAIAN YANG MUDAH DAN TEPAT (QUICK WINS)
2.	<p data-bbox="272 383 347 1368">Pengukuhan Seranta Awam</p> <p data-bbox="272 1368 347 1948">Perluasan kaedah pameran akan menggunakan medium teknologi maklumat.</p> <ul data-bbox="400 562 1043 1464" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="400 562 512 1464">• Pengiklanan menggunakan akhbar secara <i>online</i> sekarang-kurangnya di dua (2) akhbar utama untuk tiga (3) hari berturut. Jumlah pengiklanan adalah enam (6) pengiklanan.</li> <li data-bbox="555 779 592 1464">• Deraf pengiklanan perlu dikemukakan kepada Urusetia EIA untuk kelulusan.</li> <li data-bbox="639 898 676 1464">• Maklumat dalam pengiklanan perlu mengandungi: <ul data-bbox="676 949 1043 1464" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="676 949 713 1464">- nama projek</li> <li data-bbox="713 949 750 1464">- tempoh pameran awam.</li> <li data-bbox="750 949 786 1464">- lokasi salinan laporan boleh dilihat (tempat awam)*</li> <li data-bbox="786 949 823 1464">- url laman web Jabatan Alam Sekitar <a href="http://www.doe.gov.my">www.doe.gov.my</a></li> <li data-bbox="823 949 898 1464">- url laman web rasmi Penggerak Projek serta emel dan nombor telefon pegawai yang boleh dihubungi</li> <li data-bbox="898 949 963 1464">- url laman web rasmi Jururunding EIA serta emel dan nombor pegawai yang boleh dihubungi.</li> <li data-bbox="963 949 1000 1464">- QR code bagi capaian Ringkasan Eksekutif (Infografik)</li> <li data-bbox="1000 949 1043 1464">• Maklumat pengiklanan perlu dalam bentuk <i>Power Point</i> Infografik.</li> </ul> </li> </ul> <p data-bbox="1082 1518 1157 1948">*Sekurang-kurangnya tiga (3) tempat awam Perpustakaan JAS Ibu Pejabat/ Cawangan, Perpustakaan JAS Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, tambahan sekiranya perlu.</p>
3.	<p data-bbox="1198 1682 1273 1948">Penstrukturan Ringkasan Eksekutif</p> <p data-bbox="1198 1948 1273 2101"><b>Penyediaan Ringkasan Eksekutif yang lebih mudah difahami dan ringkas.</b></p> <ul data-bbox="1278 1794 1385 2101" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1278 1794 1385 2101">• Ringkasan Eksekutif dalam bentuk <b>infografik</b> yang mengandungi maklumat: <ol data-bbox="1353 1899 1385 2101" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1353 1899 1385 2101">i) <i>Introduction</i></li> </ol> </li> </ul>

BIL	PENCAPAIAN YANG MUDAH DAN TEPAT (QUICK WINS)
	<p>Project proponent &amp; Qualified Person</p> <p>Legislative requirements</p> <p>Statement of Need</p> <p>Project Location including relevant maps showing project location and sensitive receptors</p> <p>Project Description- include flow diagram of main process.</p> <p>Project Activities</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pre-construction Stage</li> <li>- Construction Stage</li> <li>- Operation stage</li> </ul> <p>Existing Environment</p> <p>Impact Assessment &amp; Mitigation Measures</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- A description of performance monitoring (PM) program, compliance monitoring (CM) for pollution prevention and mitigation measure (P2M 2)s and tabulation of relevant PM parameter, recommended limits, monitoring, locations and frequencies.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan softcopy (PDF Format) perlu dikemukakan kepada kepada Urusetia EIA bersama dengan Laporan EIA.</li> <li>• Ringkasan Eksekutif bentuk infografik perlu disediakan dalam dua (2) bahasa iaitu <b>Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris</b> bagi tujuan paparan dalam website semasa pameran awam.</li> <li>• Ringkasan Eksekutif berbentuk naratif tidak perlu disertakan.</li> </ul>

## Senarai Alamat E-mel JAS

Bil.	JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri	Alamat E-mel
1	Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat	eiapenilaian@doe.gov.my
2	JAS Perlis	eiaperlis@doe.gov.my
3	JAS Kedah	eiakedah@doe.gov.my
4	JAS Perak	eiaperak@doe.gov.my
5	JAS Pulau Pinang	eiapenang@doe.gov.my
6	JAS Selangor	eiaselangor@doe.gov.my
7	JAS WP Kuala Lumpur	eiawpkl@doe.gov.my
8	JAS Pahang	eiapahang@doe.gov.my
9	JAS Kelantan	eiakelantan@doe.gov.my
10.	JAS Terengganu	eiaterengganu@doe.gov.my
1 1	JAS Melaka	eamelaka@doe.gov.my
12.	JAS Negeri Sembilan	eian9@doe.gov.my
13.	JAS Johor	eiajohor@doe.gov.my
14.	JAS Sabah	eiasabah@doe.gov.my
15	JAS Sarawak	eiasarawak@doe.gov.my
16.	JAS WP Labuan	eiawplabuan@doe.gov.my